

Pakatan selar pelan rekonsiliasi Najib, dakwa sudah terlambat
Malaysian Insider
Feb 26, 2014
OLEH EILEEN NG

Pakatan Rakyat (PR) menyelar Pelan Rekonsiliasi Nasional (NRP) Perdana Menteri Datuk Seri Najib kerana melihatnya sebagai satu usaha yang sudah terlambat.

Pemimpin PR mendakwa ia kerana setelah beberapa bulan ketegangan agama dan kaum timbul, melihatkan Putrajaya mengambil pendekatan berdiam diri dan rundingan Najib itu sekadar satu cadangan tanpa sebarang tindakan tegas.

Kata mereka, apa yang perlu segera dilakukan Najib adalah mengambil tindakan terhadap kumpulan ekstremis yang mula menyerap dalam masyarakat dengan memberi amaran kepada kumpulan itu bakal berdepan tindakan undang-undang yang tegas.

Melihat NRP sebagai resipi Najib yang mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ketua eksekutif negara sebaliknya masih mahu mendapat faedah daripada jawatannya, pemimpin veteran DAP Lim Kit Siang berkata PR tidak pernah berunding tentang NRP.

Malah, beliau berkata parti dalam PR masih menunggu jawapan rasmi daripada Najib dan pemimpin Barisan Nasional (BN) berhubung isu konsensus nasional.

“Kerajaan minoriti 47% ini angkuh bekerja sendiri dan secara sulit merencanakan NRP tanpa berunding dengan Pakatan yang mendapat 51% undi rakyat,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau mempersoalkan sama ada NRP berbeza dengan Pelan Integrasi Nasional yang disediakan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) dan jika sama, apa keperluan berbuat demikian.

Lim berkata, sesuatu yang mengujakan apabila mendapati Najib menulis mengenai rekonsiliasi nasional, berharap ia adalah pengakhiran kepada sebuah kerajaan yang hilang arah setelah 9 bulan pilihan raya umum.

Bagaimanapun, keterujaan Lim bertukar kepada penyesalan apabila ia tidak melihatkan sinar baru dalam kepimpinan.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu menyelar Najib kerana tidak mengambil tindakan terhadap puak ekstremis dengan melihatnya sebagai usaha penting menjanjikan tindakan awal dan pro aktif dengan tidak membiarkan mana-mana kumpulan mempromosikan kebencian dan keganasan.

“Saya tidak fikir ada cara lebih buruk, teruk atau tidak bertanggungjawab untuk menyelamatkan negara daripada jurang kaum, agama serta mencetuskan huru-hara terutamanya apabila media Umno dan BN memberi ruang kepada penghasut dengan mensensasikan permintaan puak ekstremis.

“Apakah Najib mengeluarkan arahan segera kepada Utusan Malaysia dan semua media Umno-BN agar berhenti memberi ruang publisiti kepada mereka?

“Jika Najib tidak bersedia mengeluarkan arahan sedemikian, adakah beliau mengizinkan penghasut dan puak pelampau terus menambahkan kebencian kaum dan agama dengan penipuan serta kesalahan?” soalnya.

Lim berkata, sekurang-kurangnya Najib perlu mengeluarkan amaran keras kepada pihak yang cuba mencetuskan ketegangan kaum.

Malangnya Lim berkata, Najib kurang keazaman politik untuk berbuat demikian sebaliknya hanya menggesa rakyat 'menghancurkan' penghasut dan puak ekstremis dengan kembali kepada agama.

"Sedih dan mengejutkan selepas lima tahun bergelar perdana menteri, Najib dilihat tidak mengenali cabaran yang dibuat puak yang mahu memusnahkan perpaduan kaum dengan memainkan api kebencian kaum dan agama."

Pemimpin PKR, Sim Tze Tzin menyalahkan Najib atas ketegangan yang berlaku pada masa ini dengan melihat perdana menteri itu mahu memecahbelahkan Malaysia selepas pilihan raya umum lalu apabila menyifatkan prestasi buruk BN akibat "Tsunami Cina".

Ia juga ditambah dengan sifat berdiam diri Najib apabila cubaan membakar gereja di Pulau Pinang dan sebuah masjid di sana yang dipercayai dilempar dengan daging babi.

"Rakyat hilang kepercayaan dalam kepimpinannya apabila undi popular mereka di bawah 50% dan sedang menurun. Bagi mendapatkan kepercayaan rakyat, beliau harus membersihkan rumahnya dahulu," katanya.

Ahli Parlimen Bayan Baru itu menyebut tiga perkara yang perlu segera dilakukan Najib bagi meredakan ketegangan semasa iaitu menggantung Utusan Malaysia daripada terus menyemarakkan perbezaan kaum, mendakwa organisasi rasis ke mahkamah dan menghentikan diskriminasi kepada bukan Islam serta menyelesaikan isu kalimah Allah.

"Bercakap itu mudah tetapi menyelesaikan isu politik rumit. Ia memerlukan kepimpinan sebenar."

Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Khalid Samad (gambar) berkata, banyak kumpulan pendesak muncul sejak pilihan raya umum lalu.

"Najib tidak menjawab isu ini sebaliknya terus berbicara tentang rekonsiliasi nasional. Ia dilihat sangat hipokrit.

"Berdasarkan kenyataannya, ia sudah terlewat. Jika beliau mahu memperbaiki keadaan, beliau perlu berusaha lebih dengan menghapuskan kumpulan pendesak bagi membuktikan keseriusannya.

"Beliau tidak wajar berbicara tentang perpaduan nasional dan rekonsiliasi tetapi pada masa sama membenarkan kumpulan sebegini melakukan sesuka hati mereka seperti menyembelih ayam dan menumpahkan darah di poster pemimpin pembangkang," katanya merujuk kepada ancaman yang berlaku kepada Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-selar-pelan-rekonsiliasi-najib-dakwa-sudah-terlambat>